



---

## **SURAT EDARAN UMT BILANGAN 1 TAHUN 2021**

---

### **Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2021**

#### **TUJUAN**

1. Surat edaran ini bertujuan memaklumkan mengenai Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 untuk digunakan di semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Jabatan Perkhidmatan Awam, melalui surat edaran JPA.800-3/2/1(29) bertarikh 23 April 2021 telah bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2021 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah sebanyak RM500.00. Bayaran ini juga turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen, penerima pencen terbitan, pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), veteran berpencen dan veteran tidak berpencen sebanyak RM250.00.

#### **PELAKSANAAN PEMAKAIAN ARAHAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2021**

3. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah pelaksanaan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 adalah seperti berikut :
  - 3.1 Bayaran layak diberikan kepada :

## **TERHAD**

- (i) pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56<sup>1</sup> dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 6 Mei 2021 sebanyak RM500.00.
- (ii) pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang layak tersebut merupakan :
  - a. pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS)<sup>2</sup>;
  - b. pegawai yang bercuti bergaji penuh;
  - c. pegawai yang bercuti separuh gaji;
  - d. pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
  - e. pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasangkan pengurusan saraanya. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai;

- 3.2 Pembayaran ini turut dipanjangkan kepada:
- a. Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 6 Mei 2021 yang kontraknya masih berkuat kuasa pada 6 Mei 2021;
- 3.3 Pesara Kerajaan yang menerima pencen dan termasuk penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen serta pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan pada atau sebelum 6 Mei 2021 akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam manakala bagi veteran berpencen dan tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran;
- 3.4 Pesara dan veteran seperti di para 3.3 yang dilantik semula secara COS dan masih berkhidmat pada 6 Mei 2021 layak dibayar sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam/ Jabatan Hal Ehwal Veteran dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat;

---

<sup>1</sup> Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Utama/Khas.

<sup>2</sup> Bagi pegawai di bawah Contract for Service, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

## **TERHAD**

- 3.5 Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada:
- i. pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;
  - ii. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 6 Mei 2021;
  - iii. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 6 Mei 2021;
  - iv. pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 6 Mei 2021; dan
  - v. pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan;
- 3.6 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2021 ini. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah;
- 3.7 Pegawai Perkhidatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia pada 6 Mei 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2021 sebanyak RM500.00; dan
- 3.8 Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 ini akan dibayar pada 6 Mei 2021 dan menjadi tanggungan UMT di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

## **PEMAKAIAN**

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **TERHAD**

### **TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN**

5. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2021 ini adalah menjadi tanggungan UMT, di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

### **TARIKH KUAT KUASA**

6. Penerimaan pakai surat edaran ini adalah mengikut tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 23 April 2021.

Disediakan oleh :-

Jabatan Sumber Manusia  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Malaysia Terengganu

26 April 2021